

Promosi nama **USIM** ke Aceh

Aceh: Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS) menganjurkan Kembara Kemasyarakatan Ke Bumi Aceh 2015, baru-baru ini.

Program anjuran Biro Pengantarabangsaaan dan Perhubungan Korporat, Nadi Thaqafah itu disertai 20 peserta yang terdiri daripada Exco Nadi Thaqafah dan dua pegawai pengiring.

Pengarah Program, Muhammad Amirul Syahid Jumal, berkata objektif program ialah untuk mempromosikan

USIM pada peringkat antarabangsa selain mengeratkan hubungan antara pelajar USIM dan institusi pendidikan sekitar Aceh, antaranya Universitas Islam Negeri Ar-Raniry dan Universitas Syiah Kuala.

"Program turut memberi peluang kepada peserta bertukar idea berkaitan hal ehwal mahasiswa serta menggalakkan aktiviti perbincangan sesama pelajar.

Berdaya saing

"Pendedahan pelajar dalam program sebegini dapat menjadikan mereka lebih berilmu, berketerampilan, berakhlak, berwawa-

san serta berdaya saing dalam semua bidang," katanya.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program itu, antaranya gotong-royong membaiki pulih kemudahan di Kampung Ajee Cut Nyak Dhien, di samping menyampaikan sumbangan berupa wang tunai, beras, pakaian dan barangan persekolahan kepada penduduk miskin di sana.

Katanya, peserta juga berpeluang mengajar modul bahasa Arab kepada 250 anak yatim dan masyarakat di Rumah Anak Yatim Dayah Nurul Huda.

Di samping itu, peserta berkesempatan mengunjungi tempat bersejarah di Aceh dan mengambil ibrah daripada kesan bencana tsunami pada tahun 2004.



Aktiviti slot berbahasa Arab bersama-sama penghuni Rumah Anak Yatim Dayah Nurul Huda.

Sebahagian daripada barangan yang disumbangkan.

